

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2/1985**

=====

**BAYARAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN**

-----

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang bersidang pada 12h Mac 1985 telah meluluskan sistem Bayaran Tunggakan Cukai Tanah secara ansuran.

2. Objektif utama diwujudkan sistem bayaran tunggakan secara ansuran ini adalah untuk memenuhi keperluan-keperluan berikut ;

- 1) Memberi kemudahan kepada tuan-tuan punya tanah yang tidak mampu membayar sekaligus, terutama sekali di kalangan penduduk desa.
- 2) Membolehkan Pejabat Tanah menerima bayaran yang tidak sepenuhnya daripada tuan punya tanah yang tidak mampu membayar sekaligus.
- 3) Meningkatkan perolehan Kerajaan Negeri
- 4) Mengadakan sistem kutipan yang teratur selaras dengan kehendak Odit dan Peraturan Kewangan.

3. Untuk melaksanakan sistem bayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran ini, maka kaedah dan peraturan yang perlu diikuti adalah seperti berikut:-

3.1 Kuasa Melulus

Pentadbir Tanah Daerah adalah diberi perwakilan kuasa untuk meluluskan permohonan pembayaran tunggakan cukai tanah secara ansuran ini.

3.2 Permohonan

Permohonan hendaklah dibuat kepada Pentadbir Tanah Daerah dengan menggunakan borang seperti contoh di Lampiran A.

3.3 Kebenaran

Kebenaran Pentadbir Tanah Daerah hendaklah secara bertulis dengan menggunakan borang khas seperti contoh di Lampiran B. Dalam membuat pertimbangan, pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan bahawa kelulusan hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu membayar sekaligus.

### 3.4 Cara Pengiraan

Cara Pengiraan jumlah cukai yang perlu dibayar secara ansuran adalah sebagaimana contoh di Lampiran C.

### 3.5 Penyelenggaraan Akaun

#### i) Rekod Akaun

Pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki merekod dan menyimpan akaun berhubung dengan pembayaran tunggakan cukai secara ansuran mengikut format di lampiran D.

#### ii) Rujukan Silang

Hendaklah ada rujukan silang yang lengkap diantara Daftar Tunggakan dan Daftar Hasil Tanah ( Semasa)

#### iii) Kawalan Melalui Daftar Hasil

Walaupun Daftar Tunggakan akan dibuka, cukai-cukai tanah yang terhutang hendaklah terus dibukukan dan dikawal seperti biasa melalui Daftar hasil

#### iv) Pemindahan Ke dalam daftar Hasil

Pungutan tunggakan pada mula-mulanya akan direkodkan ke dalam Daftar tunggakan. Pada penutupan tahun jumlah yang dipungut melalui Daftar tunggakan bagi tiap-tiap kes hendaklah dibukukan ( dipindahkan ) ke dalam Daftar Hasil. Ini adalah perlu untuk pengimbangan dan penyesuaian Daftar Hasil yang licin.

### 3.6 Had Minima tunggakan

Had minima jumlah tunggakan ialah RM 100.00 bagi satu hakmilik yang bertunggakan selama tempoh tidak kurang daripada 3 tahun.

### 3.7 Tempoh bayaran

Jumlah tunggakan cukai tanah yang perlu dibayar hendaklah dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh tahun semasa berkenaan dengan dua belas 1 kali ansuran ( 1 Bulan ataupun kurang )

### 3.8 Cara Bayaran

Kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu yang Pentadbir Tanah Daerah fikirkan patut, pembayaran cukai hendaklah dibuat dengan wang tunai, money order atau bank draft.

### 3.9 Tindakan kerana tidak membayar cukai

Bagi tuan punya tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tetapi masih enggan menjelaskan tunggakan tersebut setelah diberi amaran bertulis kepadanya, maka notis Borang 6A KTN hendaklah dikeluarkan kepadanya untuk diambil tindakan seterusnya bagi melucutkan haknya ke atas tanah itu.

4. Untuk menjamin supaya sistem ini berjalan dengan lancar dan tidak terpesong dari objektifnya yang asal, maka perhatian pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah ditarik kepada perkara di perenggan 3.3 di atas iaitu Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah hendaklah memastikan bahawa kebenaran untuk bayaran tunggakan secara ansuran ini hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu membayar sekaligus.

5. Disamping itu juga bertindak tegas seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 3.9 di atas hendaklah diambil ke atas tuan punya tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tetapi masih enggan menjelaskan tunggakan-tunggakan tersebut setelah diberi amaran bertulis kepadanya.

6. Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah adalah dikehendaki melaksanakan sistem bayaran tunggakan cukai secara ansuran ini seperti yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan itu.

T.T

**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**

Pengarah Tanah dan Galian Selangor

Bertarikh : 27hb April 1985

Sk: Yang Berhormat  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Yang Berhormat  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Ketua Cawangan Audit Selangor

**\*PERENGGAN 3.4 PEKELILING INI DIBATALKAN DENGAN PEKELILING  
BIL.6/1985\***

**LAMPIRAN 'A'**

Nama : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....

---

Pemungut Hasil Tanah,  
.....

**Permohonan Membayar Tunggakan Cukai Tanah Secara Ansuran**

---

Dengan hormatnya saya ..... No. K/P .....  
beralamat di ..... mengaku mempunyai  
tunggakan cukai bagi tanah saya Hakmilik No. .... Lot/PT  
..... Mukim/Bandar/Pekan ..... berjumlah  
\$ ..... yang tidak dijelaskan dalam tempoh tahun .....  
..... hingga tahun .....

2. Dengan ini saya memohon kelulusan tuan untuk membenarkan saya membuat bayaran permulaan sebanyak \$ ..... dan membayar baki tunggakan itu secara beransur-ansur seperti berikut:

	Bulan	Jumlah
1.	.....	.....
2.	.....	.....
3.	.....	.....

3. Sekiranya saya tidak membayar tunggakan cukai berkenaan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan, maka saya mengaku akan membayar denda lewat sebagaimana yang dikenakan oleh Pejabat Tanah.

Sekian, terima kasih.

**(TANDATANGAN PEMOHON )**

Bertarikh :.....

**LAMPIRAN 'B'**

Pejabat Tanah,  
.....

Tel. No. : .....

---

Bil.( )dlm. PTG.

Tarikh :

Nama : .....

Alamat : .....

.....

.....

**Permohonan Membayar Tunggakan Cukai Tanah Secara Ansuran**

---

Permohonan tuan/puan bertarikh ..... untuk membayar  
tunggakan cukai secara beransur-ansur bagi tanah Hakmilik No. ....  
Lot/PT No. ....Mukim/Bandar/Pekan .....  
berjumlah \$ ..... adalah diluluskan.

2. Tuan/Puan adalah dikehendaki menjelaskan bayaran-bayaran ansuran tersebut  
sebagaimana yang dijadualkan. Jika Tuan/Puan gagal membuat bayaran-bayaran itu,  
tindakan boleh diambil di bawah Kanun Tanah Negara untuk mengembalikan tanah ini  
kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

( )  
Pemungut Hasil Tanah,

.....

s.k. Kerani Hasil,  
Sila rekodkan.

## LAMPIRAN 'C'

**CONTOH PERKIRAAN PEMBAYARAN  
TUNGGAKAN CUKAI TANAH SECARA ANSURAN**

---

Hakmilik No. : EMR 12138      Kegunaan : Pertanian – Kelapa  
 No.Lot/PT : 318                      Luas : 4 ekar  
 Mukim/Bandar/Pekan : 'x'              Cukai Tahunan : \$28.00 (\$7.00 sehektar)

---

TAHUN	CUKAI TAHUNAN	TUNGGAKAN	JUMLAH	DENDA LEWAT	JUMLAH BESAR
1976	28.00	-	-	2.00	40.00
1977	28.00	38.00	58.00	5.00	63.00
1978	28.00	63.00	91.00	5.00	96.00
1979	28.00	96.00	124.00	8.70	132.70
(1) BAYARAN PERMULAAN	112.00	+		20.70 =	<u>\$132.70</u>
1980	28.00	132.70	160.70	11.30	172.00
1981	28.00	172.00	200.00	14.00	214.00
(2) ANSURAN PERTAMA	96.00	+		29.30 =	<u>\$81.30</u>
1982	28.00	214.00	282.00	17.00	259.00
1983	28.00	259.00	287.00	20.10	307.10
(3) ANSURAN KEDUA	56.00	+		37.10 =	<u>\$93.10</u>
1984	28.00	307.10	335.10	23.50	358.60
1985	28.00	358.60	386.60	-	366.60
(4) ANSURAN KETIGA	56.00	+		23.5 =	<u>\$79.50</u>

## Keterangan :

- + Denda lewat dikira mengikut perenggan 17 dalam Kaedah Tanah Selangor, 1966 dan angkanya dikenakan kepada 10 sen menurut Seksyen 96 (2) KTN kerana tanah ini adalah tanah desa. Untuk tanah bandar/pekan dikenakan kepada \$1.00.
- Denda lewat tidak dikenakan kerana dalam contoh ini ke semua bayaran ansuran akan diselesaikan sebelum 1.6.1983. Tetapi jika diselesaikan pada atau selepas tarikh tersebut denda lewat hendaklah dikenakan.

Daripada perkiraan di atas, tuan punya tanah adalah dibenarkan untuk membuat 4 kali pembayaran iaitu:-

(1) Bayaran Permulaan	\$132.70
(2) Ansuran Pertama (Februari 1985)	\$ 81.30
(3) Ansuran Kedua (Mac 1985)	\$ 93.10
(4) Ansuran Ketiga (April 1985)	<u>\$ 79.50</u>
	<u>\$386.60</u>

[Sekiranya notis tuntutan cukai Borang 6A KTN telah dikeluarkan, maka bayaran notis menurut perenggan 18 Kaedah Tanah Selangor, 1966 hendaklah dikutip]

